



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

8 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,216 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 354,540 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Kinabalu dan masing-masing satu (1) di Keningau, Tuaran dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,060 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 319,582 orang. Manakala 1,292 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 843 orang di hospital, 431 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 57 orang merangkumi 48 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu di Sabah hari ini tidak banyak berubah daripada kedudukan semalam. Terdapat penurunan marginal 19 kes menjadikan jumlah kes baharu 1,216 kes hari ini.
- b. Kedudukan ini tidak semestinya mencerminkan Sabah berada dalam fasa penstabilan. Malah cuma 12 daerah daripada 27 daerah di negeri ini mencatatkan penurunan kes-kes baharu sedangkan 15 daerah lain merekodkan pertambahan. Peratusan jumlah kes simptomatik yang berpunca daripada jangkitan sporadik juga kekal tinggi pada 64.06% daripada jumlah keseluruhan. Jumlah ini hampir dua-pertiga daripada jumlah kes-kes baharu di Sabah.
- c. Tujuh (7) kluster diisyiharkan tamat hari ini di mana enam (6) daripadanya adalah kluster institusi pendidikan. Kluster-kluster tersebut ialah Kluster Jalan Pertukangan (Sandakan), Kluster Teritipan (Kota Marudu), Kluster Lorong Api-Api (Kota Kinabalu), Kluster Jalan Sri Balung (Tawau), Kluster Jalan Pendidikan Ranau (Ranau) dan Kluster Sungai Batang Batu 10 (Sandakan). Satu (1) lagi kluster yang ditamatkan ialah kluster berisiko tinggi iaitu Kluster Montenior (Beaufort). Baki jumlah kluster yang masih aktif di seluruh negeri Sabah ialah 31 kluster.
- d. Tiga (3) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 284 kes, Penampang 137 kes dan Papar 110 kes. 19 daerah lain mencatatkan kes dua (2) angka dan tiga (3) daerah mencatatkan kes baharu satu (1) angka. Daerah Kunak dan Tongod tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- e. Adalah diperhatikan terdapat pertambahan kes-kes baharu yang agak banyak di beberapa daerah yang mencatatkan kes baharu dua (2) angka. Antaranya ialah Keningau 75 kes (+31), Sandakan 49 kes (+24), Kota Belud 47 kes (+20) dan Putatan 39 kes (+25).

- f. Sebanyak 1,199 atau 98.60% daripada 1,216 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, 11 kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	305	25.08%
3	Bergejala	779	64.06%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	132	10.86%
JUMLAH		1,216	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (7 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 07/03/2022	Catatan Kes 08/03/2022	Perbandingan
1	Keningau	44	75	+31
2	Putatan	14	39	+25
3	Sandakan	25	49	+24
4	Kota Belud	27	47	+20
5	Kudat	17	31	+14
6	Tenom	25	39	+14
7	Telupid	11	23	+12
8	Penampang	128	137	+9
3	Beluran	8	14	+6
10	Tawau	46	51	+5
11	Tambunan	29	34	+5
12	Pitas	13	15	+2
13	Kuala Penyu	26	27	+1
14	Semporna	2	3	+1
15	Kinabatangan	10	11	+1
16	Kota Kinabalu	352	284	-68
17	Tuaran	117	82	-35
18	Papar	141	110	-31
19	Lahad Datu	26	12	-14
20	Kalabakan	11	1	-10
21	Sipitang	41	32	-9
22	Tongod	8	0	-8
23	Beaufort	49	43	-6
24	Nabawan	11	8	-3
25	Kunak	3	0	-3
26	Kota Marudu	33	32	-1
27	Ranau	18	17	-1
JUMLAH		1,235	1,216	-19

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	60	191	0	33	284	11,276
Penampang	0	22	112	0	3	137	3,285
Papar	0	33	72	0	5	110	2,462
Tuaran	0	42	38	0	2	82	3,018
Keningau	0	20	43	0	12	75	1,529
Tawau	0	9	35	0	7	51	1,661
Sandakan	0	2	45	0	2	49	1,250
Kota Belud	0	15	28	0	4	47	1,534
Beaufort	0	6	24	0	13	43	1,447
Putatan	0	7	25	0	7	39	1,706
Tenom	0	3	34	0	2	39	849
Tambunan	0	13	15	0	6	34	486
Kota Marudu	0	21	10	0	1	32	888
Sipitang	0	14	17	0	1	32	660
Kudat	0	1	19	0	11	31	347
Kuala Penyu	0	16	9	0	2	27	616
Telupid	0	3	18	0	2	23	341
Ranau	0	5	9	0	3	17	612
Pitas	0	4	8	0	3	15	389
Beluran	0	6	7	0	1	14	321
Lahad Datu	0	0	5	0	7	12	769
Kinabatangan	0	2	6	0	3	11	233
Nabawan	0	1	6	0	1	8	309
Semporna	0	0	2	0	1	3	95
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	90
Tongod	0	0	0	0	0	0	225
Kunak	0	0	0	0	0	0	174
JUMLAH	0	305	779	0	132	1,216	36,572

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,922 unit
- Hospital 1,765 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,917 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.94%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 8 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,209
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	1,216

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Rusia	1
Jumlah	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,180
Bukan Malaysia	36
Jumlah	1,216

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	76
Belum Menerima Vaksin (5-11)	50
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	79
Menerima 1 Dos	31
Lengkap 2 Dos	512
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	468
Jumlah	1,216

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	17
1-4	59
5 -11	69
12-17	52
18-29	301
30-39	314
40-49	169
50-59	118
60-69	63
70-79	35
80-89	14
>90	5
Jumlah	1,216

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 7 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,215 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,999 orang adalah penduduk dewasa, 142 orang adalah penduduk remaja 2,074 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 7 Mac 2022 adalah seramai 2,524,471 orang. Ini meliputi 2,120,129 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.04% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,414,485 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,100,575 orang atau 77.32% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,417 orang atau 79.64% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,909 atau 73.65% orang setakat ini.

- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 64,925 atau 15.78% orang telah menerima 1 dos vaksin manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin ialah 1 atau 0.00% orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **683,900** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
- Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal mendaftar Masuk Premis
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 234 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 60 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi di bawah Akta Perikanan 1985.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 895 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 239 premis perniagaan dan 303 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 81 Premis Perniagaan melibatkan 38 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 92 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 353 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Keningau	98.6%
3	Beluran	98.6%
4	Sipitang	98.6%
5	Kinabatangan	98.6%
6	Kudat	98.6%
7	Tenom	98.5%
8	Kota Marudu	98.5%
9	Kota Belud	98.5%
10	Kota Kinabalu	98.5%
11	Beaufort	98.5%
12	Sandakan	98.5%
13	Tuaran	98.4%
14	Papar	98.4%
15	Tawau	98.4%
16	Lahad Datu	98.4%
17	Penampang	98.4%
18	Semporna	98.3%
19	Ranau	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II